

**TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA**

ISU PERKAHWINAN BAWAH UMUR DAN PENDIDIKAN SIVIK KEWARGANEGARAAN

Bismi-Illahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Prihatin kepada Yang Amat Berbahagia Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri 1 & 2, Barisan Exco dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang saya kasihi.

Terima kasih kepada Dato Yang di – Pertua Speaker Dewan kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi pagi ini.

PERSOALAN BERKAITAN HAL – HAL YANG BERBANGKIT

Perkahwinan Bawah Umur (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemeraksa Komuniti)

Perkahwinan bawah umur merupakan satu isu yang perlu kita kkuatiri. Hal ini demikian kerana, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah merekodkan permohonan perkahwinan bawah umur dari tahun 2013 hingga tahun 2018 adalah sebanyak 5,823 dengan catatan 974 dicatatkan di Sarawak. Perkahwinan bawah umur ini mampu memberikan komplikasi yang buruk kepada remaja – remaja yang berkahwin pada usia yang muda. Misalnya, komplikasi buruk yang akan berlaku adalah kelahiran bayi yang kurang upaya, kelahiran bayi pra-matang, malah ia boleh mengancam nyawa bayi tersebut. Komplikasi ini bukan sahaja melibatkan bayi tersebut malah kepada ibu muda yang mengandung, sebagai contoh remaja tersebut akan keciciran dalam akademik, terdedah pada penyakit HIV/AIDS dan sebagainya. Menjurus kepada persoalan yang ingin saya bangkitkan adalah apakah pendirian Kerajaan Negeri dan tindakan yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri berkaitan isu ini ?

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi)

Ahli – ahli Dewan yang dikasihi sekalian, gelombang Undi18 merupakan gelombang luar biasa yang pernah melanda negara ini. Gelombang Undi18 telah memberikan kesan yang besar sehinggakan Undi18 telah diwartakan dalam Perlembagaan Negara dan Negeri. Selain itu, saya percaya bahawa Undi18 perlu juga diberikan pemeraksaan dari segi Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Walaupun begitu, kita juga mengetahui Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merupakan silibus yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, kita sebagai penggubal dasar di negeri kita yang kita cintai perlulah punyai ikhtiar yang tersendiri dalam memantapkan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ini merupakan satu ilmu pengajaran yang penting kerana pendidikan ini dapat menjelaskan perkara – perkara yang melibatkan sistem pentadbiran negara. Namun demikian, sebilangan anak muda kita tidak cakna dan peka berkaitan sistem pentadbiran

Sidang Muda 2022 | Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

negeri dan negara kita. Misalnya, jika ditanyakan kepada mereka melibatkan siapa Ketua Menteri kita atau siapakah Perdana Menteri kita, ada sebilangan anak muda masih lagi terpinga-pinga untuk menjawab soalan tersebut. Persoalan yang ingin saya bangkitkan adalah apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam membantu Kerajaan Pusat untuk memperkasakan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ?

Akhir kalam, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua Speaker atas kesempatan yang diberikan walaupun masa yang menjadi kesulitan pada kami semua dalam sesi kali ini. Saya berharap apa yang diutarakan oleh kami dari pihak pembangkang dapat diambil maklum dengan teliti oleh pihak kerajaan serta sebagai sinar penunjuk arah yang lebih cerah UNTUK NEGERI KITA.

Sekian, Terima Kasih.

Mohammad Firdaus Danial Anuar
N10 Seberang Jaya
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

